A

PP

lwn.

ROSLAN ABDULLAH

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TEMERLOH
ABD HALIM AMAN PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45-8-2001]
19 OKTOBER 2006

C ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Mengedar 416 gram dadah jenis ganja - Akhir kes pembelaan - Sama ada keterangan dari pihak pembelaan boleh mengenepikan kes pendakwaan yang diputuskan prima facie - Asas pembelaan menjurus kepada penafian semata - Penggantungan kepada*
D *bentuk pembelaan berupa 'bare denial' - Sama ada mencukupi - Milikan dan pengetahuan - Sama ada dibuktikan - Elemen pengetahuan terhadap keujudan dadah - Sama ada boleh diketepikan - Skop pemakaian s. 27 Akta Keterangan 1950 - Sama ada menepati definasi - Sama ada pihak pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap*
E *kesahihan kes pendakwaan - Sama ada OKT bersalah dan disabitkan di atas pertuduhan tersebut*

KETERANGAN: *Maklumat menjurus kepada penemuan - Akta Keterangan 1950, s. 27 - Sama ada skop menepati definasi - Sama ada*
F *berpandukan kepada maklumat yang diberikan OKT telah membawa kepada perjumpaan dadah tersebut - Milikan dan pengetahuan - Sama ada dibuktikan - Elemen pengetahuan terhadap keujudan dadah - Sama ada boleh diketepikan - Sama ada pihak pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kesahihan kes pendakwaan -*
G *Sama ada OKT bersalah dan disabitkan di atas pertuduhan tersebut*

KETERANGAN: *Keterangan secara bersumpah dari kandang saksi - Penafian semata - Penggantungan kepada bentuk pembelaan berupa 'bare denial' - Sama ada mencukupi - Milikan dan pengetahuan - Sama ada dibuktikan - Elemen pengetahuan terhadap keujudan dadah - Sama ada*
H *boleh diketepikan- Skop pemakaian s. 27 Akta Keterangan 1950 - Sama ada menepati definasi - Sama ada pihak pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kesahihan kes pendakwaan - Sama ada OKT bersalah dan disabitkan di atas pertuduhan tersebut*

I

Tertuduh (OKT) di dalam kes ini dituduh mengedar dadah berbahaya anggaran berat kasar 416 gram dadah jenis ganja iaitu satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama. Menurut Timbalan Pendakwaraya, pada 19 Mei 2001, OKT telah ditangkap oleh pihak polis berkaitan dengan kesalahan dadah. Pada jam 1.20 pagi hari yang sama, OKT setelah disoalsiasat, telah memberikan suatu maklumat kepada C/Insp Jong Lak Kho. Berikutan dengan maklumat itu, C/Insp Jong dan beberapa anggota lain bersama OKT telah pergi ke alamat Lot 2132 Jambu Rias, Karak. Di alamat tersebut, C/Insp. Jong dan juga OKT telah memasukki suatu premis yang kemudiannya dibuktikan sebagai rumah OKT. Di dalam sebuah bilik tidur rumah itu, telah dijumpai sebuah beg jenama 'Panther'. Di dalam beg itu dijumpai dua bungkusan plastik jernih yang berisi bahan yang disyakki dadah. Juga dijumpai satu kertas plastik jernih, sebilah gunting, sebilah pisau lipat dan satu kad pergigian atas nama OKT di dalam beg itu. Bahan yang disyakki ganja itu telah diserahkan oleh C/Insp. Jong kepada pegawai penyiasat kes, C/Insp. Kang Liong Soo. Bahan itu telah dihantar untuk dianalisa oleh Ahli Kimia yang mana kemudiannya disahkan sebagai cannabis. Di akhir kes pendakwaan, setelah mendengar penghujjahan dari kedua-dua pihak, mahkamah memutuskan bahawa suatu kes yang *prima facie* telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

Selaras dengan peruntukan s. 180(3) Kanun Tatacara Jenayah, tertuduh dipanggil untuk membela diri. Dalam keterangannya, tertuduh menyatakan: (i) beliau menafikan ada tunjukkan kedudukan beg tersebut serta menyatakan bukan beliau yang mengeluarkan beg tersebut; (ii) tentang kad pergigian yang dijumpai, beliau menafikan ada ditunjukkan dengan kad pergigian itu dan menurutnya lagi, tiada borang bongkar disediakan semasa di rumah; (iii) beliau menafikan ada buat kenyataan (statement) itu kepada C/Insp Jong atau pada mana-mana pegawai polis dan menafikan ada tandatangan dokumen-dokumen itu; (iv) eks. 22 ditandatangani oleh beliau setelah beberapa hari ianya ditahan di lock up dan menurutnya, beliau menandatangani sebab beliau takut; (v) bilik tidurnya tidak berpintu dan sesiapa sahaja boleh keluar masuk biliknya itu; (vi) sebelum kejadian pada 19 Mei 2001 itu, beliau tidak balik ke rumahnya iaitu sejak 6 pagi 18 Mei 2001 dan menurutnya semasa ketiadaannya di rumah, kawan-kawannya ada memasukki rumahnya; (viii) dihujahkan bahawa s. 27 Akta

Keterangan tidak harus dijadikan sandaran bagi membuktikan kes pendakwaan. Persoalan yang timbul adalah sama ada keterangan dari saksi-saksi pembelaan ini benar-benar dapat meyakinkan mahkamah sehingga boleh mengenepikan kesahihan kes pihak pendakwaan yang diputuskan *prima facie*.

Diputuskan (menjatuhkan hukuman gantung sampai mati):

(1) Pihak pembelaan di peringkat akhir kes pembelaan ini telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kesahihan kes pihak pendakwaan. Lantas kesahihan kes pihak pendakwaan yang diputuskan sebagai *prima facie* itu tidak tergugat. Di akhir kes pembelaan ini, adalah jelas bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes mereka melampaui keraguan yang munasabah. (perenggan 32)

(2) Meneliti kepada asas pembelaan dari OKT, ia lebih menjurus kepada penafian semata. Beliau menafikan banyak perkara di dalam keterangannya. Beliau menafikan ada memberikan maklumat tentang dadah yang disimpan di rumahnya dalam beg eks. P12. Beliau menafikan ada menunjukkan dan mengeluarkan beg tersebut kepada pihak polis, beliau menafikan mengetahui akan isi kandungan yang terdapat di dalam beg tersebut. Beliau menafikan ada menyimpan dadah di dalam beg tersebut serta beliau menafikan ada menyimpan kad gigi di dalam beg tersebut. Terhadap eks. P22, beliau menafikan ada memberikan maklumat kepada C/Insp Jong, menafikan ada menandatangani dokumen eks. P22 itu pada hari kejadian serta menafikan akan isi kandungan eks. P22. (perenggan 33)

(3) Meneliti kepada keterangan yang telah disampaikan oleh OKT dan dua orang saksinya yang lain, adalah sesuatu yang agak sukar untuk mahkamah mempercayainya dari segi kemunasabahannya. Di sinilah dikatakan 'demeanour' saksi-saksi memainkan peranan. Kebolehpercayaan keterangan saksi-saksi pembelaan ini melalui keterangan masing-masing amat meragukan. Dari segi kemunasabahannya pula, jelas, adalah terlalu jauh untuk menghubungkan kebenaran keterangan yang telah disampaikan itu apabila dibandingkan dengan keterangan-keterangan yang telah disampaikan oleh saksi-saksi pendakwaan yang lain. Kemunasabahan keterangan oleh saksi pendakwa ini serta lain-lain keterangan saksi selebihnya itu tidak tercabar oleh

keterangan dari saksi-saksi pembelaan ini. Seperti yang diputuskan di dalam kes *PP v. Karim Othman*, penggantungan kepada bentuk pembelaan yang berupa 'bare denial' semata tidak mencukupi untuk mengakas di atas prinsip imbangan kebarangkalian akan andaian/ anggapan memiliki dan dalam kawalan dadah berbahaya serta pengedarannya. (perenggan 34)

(4) Di pihak pendakwaan, penggantungan yang dilakukan berdasarkan kepada s. 27 Akta Keterangan 1950 adalah merupakan sesuatu yang tepat. Adalah berpandukan kepada maklumat yang diberikan oleh OKT yang mana seterusnya telah membawa pasukan polis ke rumahnya dengan menunjukkan arah ke rumahnya serta menunjukkan akan bilik tidurnya, telah membawa kepada penjumpaan dadah tersebut seperti yang tersimpan di dalam eks. P12. Seperti keterangan oleh isteri OKT sendiri bahawa beg P12 itu digunakan oleh OKT untuk dibawa bekerja. Maknanya beg tersebut adalah milik sebenar OKT serta tersimpan di dalam bilik tidurnya sendiri. Walaupun keterangan cuba diberikan yang bilik tidurnya boleh dimasukki oleh kawan-kawannya serta saudara maranya, namun keterangan beliau ini tidak kukuh tanpa keterangan sokongan yang lain bagi mengiakan sedemikian. (perenggan 35)

(5) Dari segi jarak masa beliau tinggalkan rumah pula, menurut keterangannya, kali akhir beliau meninggalkan rumah untuk pergi ke Kuala Lumpur adalah pada pagi 19 Mei 2001; iaitu cuma satu hari sebelum tarikh kejadian tersebut. Di dalam tempoh satu hari itu, sukar untuk diandaikan akan elemen-elemen yang 'alien' terjadi di rumahnya itu, khususnya di bilik tidurnya itu. Juga, tiada keterangan untuk menunjukkan ujud sedemikian. (perenggan 35)

(6) Dari keterangan-keterangan yang diperturunkan, jelaslah elemen pengetahuan oleh OKT terhadap keujudan dadah di dalam beg eks. P12 yang terdapat di dalam bilik tidurnya di rumah di Jambu Rias itu tidak dapat diketepikan akan keujudannya. Maklumat yang diberikan dan terkandung di dalam eks. P22 yang membawa kepada penemuan fakta dadah itu adalah berselari dengan hakikat ini. (perenggan 36)

(7) Lantas hujahan oleh Timbalan Pendakwaraya akan skop pemakaian s. 27 khususnya di dalam kes ini adalah menepati definasi seperti yang dihuraikan. Yang penting ialah maklumat yang diberikan dan bukannya pengakuan. Maklumat itu menjurus kepada penemuan kepada fakta seperti yang terjadi di dalam kes ini. OKT adalah bersalah dan disabitkan di atas pertuduhan tersebut. Berikutan dengan itu, seperti diperuntukan di bawah undang-udang, mahkamah ini menjatuhkan hukuman yang diperuntukkan di bawah s.39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952. (perenggan 40 & 41)

Kes-kes yang dirujuk:

Arulpragasan Sandaraju v. PP [1997] 1 CLJ 686 FC ***(dirujuk)***
Chong Soon Kong v. PP [1977] 1 LNS 20 ***(dirujuk)***
K Gopala Reddy v. State of Andhra Pradesh [1979] SCC (CR) 310 ***(dirujuk)***
Leow Nghee Lim v. Rex [1956] 22 MLJ ***(dirujuk)***
Mat v. PP [1963] 29 MLJ 263 ***(dirujuk)***
Mohamed Radhi Yaakob v. PP [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 SC ***(dirujuk)***
Pavone v. PP [1984] 1 MLJ 77 ***(dirujuk)***
PP v. Chai Jick Lim [2006] 3 CLJ 372 HC ***(dirujuk)***
PP v. Karim Othman [1994] 2 CLJ 826 HC ***(dirujuk)***
PP v. Teh Eng Wah [1999] 8 CLJ 451 HC ***(dirujuk)***
PP v. Yuveraj [1969] 2 MLJ 89 ***(dirujuk)***
Sochima Okoye v. PP [1995] 3 CLJ 371 CA ***(dirujuk)***
Wai Chan Leong v. PP [1989] 2 CLJ 1168; [1989] 1 CLJ (Rep) 171 SC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, s. 180(3)
Dangerous Drugs Act 1952, s. 39B(2)
Evidence Act 1950, ss. 27, 37

Bagi pihak pendakwa - Ahmad Rosli Md Sham TPR
Bagi pihak tertuduh - Richard Bong; T/n Bong & Co

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Pendahuluan

[1] Tertuduh di dalam kes ini telah dituduh di Mahkamah Tinggi Temerloh pada tarikh 5 Disember 2001 di atas suatu pertuduhan seperti berikut:

Pertuduhan

Bahawa kamu pada 19/05/2001 jam 1.20 pagi bertempat di rumah No. Lot 2132, Jambu Rias, 28600 Karak, Dalam Daerah Bentong, Dalam Negeri Pahang telah didapati mengedar Dadah Berbahaya anggaran berat kasar 416 gram dadah jenis Ganja. Oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya, 1952 (Semakan 1980) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[2] Bagi membuktikan kes mereka, pihak Timbalan Pendakwa Raya telah memanggil seramai lapan (8) orang saksi kesemuanya. Mereka adalah terdiri dari pegawai polis, ahli kimia dan juga saksi orang awam. Saksi-saksi tersebut terdiri dari SP1 (ahli kimia), SP2 (pegawai serbuan), SP3 (attendant kesihatan), SP4 (bekas isteri tertuduh), SP5 (jurugambar polis), SP6 (penjaga stor barang kes), SP7 (pegawai penyiasat kes) dan SP8 iaitu penjaga stor yang menggantikan SP6.

Fakta Kes

[3] Dari keterangan saksi-saksi ini kesemuanya, fakta terhadap kes ini dapatlah digambarkan seperti mana yang telah disampaikan oleh pihak Timbalan Pendakwa Raya semasa beliau menyampaikan ucapan pembukaan kes. Pada 19 Mei 2001 jam lebih kurang 12.20 pagi, OKT telah ditangkap oleh pihak polis berkaitan dengan kesalahan dadah. Pada jam 1.20 pagi hari yang sama, OKT setelah disoal siasat, telah memberikan suatu maklumat kepada C/Insp. Jong Lak Kho. Berikutan dengan maklumat itu, C/Insp. Jong dan beberapa anggota lain bersama OKT telah pergi ke alamat Lot 2132 Jambu Rias, Karak. Di alamat itu, C/Insp. Jong dan juga OKT telah memasukki ke suatu premis yang kemudiannya dibuktikan sebagai rumah OKT. Di dalam sebuah bilik tidur rumah itu, telah dijumpai sebuah beg jenama 'Panther'. Di dalam beg itu dijumpai dua bungkusan plastik jernih yang berisi bahan yang disyakki dadah. Juga dijumpai satu kertas plastik jernih, sebilah gunting, sebilah pisau lipat dan satu kad pergigian atas nama OKT di dalam beg itu. Bahan yang disyakki ganja itu telah diserahkan oleh C/Insp. Jong kepada pegawai penyiasat kes, C/Insp. Kang Liong Soo. Bahan itu telah dihantar untuk dianalisa oleh ahli kimia yang mana kemudiannya disahkan sebagai cannabis seberat 406.60 gram.

A **Perbicaraan Kes**

[4] Di akhir kes pendakwaan, setelah mendengar penghujjahan dari kedua-dua pihak, mahkamah memutuskan pada tarikh 16 Jun 2006 bahawa suatu kes yang *prima facie* telah berjaya dibuktikan
B oleh pihak pendakwaan. Selaras dengan peruntukan s. 180(3) Kanun Acara Jenayah, tertuduh telah dipanggil untuk membela diri. Setelah tiga pilihan diterangkan kepada tertuduh, tertuduh telah memilih untuk memberikan keterangan secara bersumpah dari kandang saksi. Kes pihak pembelaan ini bermula dari tarikh 17
C Ogos 2006 dan berakhir pada 21 September 2006. Selain dari keterangan dari tertuduh sendiri, terdapat dua lagi saksi dikemukakan bagi menyokong kesnya iaitu Mohd Tolha bin Yusof (SD2); dan Mohamed Hanapi bin Abdullah (SD3).

D **Tanggungjawab Pembelaan**

[5] Sebelum kita menilai serta menganalisa akan keterangan-keterangan yang telah disampaikan oleh saksi-saksi ini, elok rasanya kita meneliti akan apakah keterangan yang telah disampaikan oleh tertuduh dan juga oleh saksi-saksinya bagi menilai kebenarannya di
E dalam kita menentukan apakah kesahihan kes pihak pendakwaan yang telah diputuskan *prima facie* itu dapat dipertahankan atau adakah pihak tertuduh di peringkat pembelaan ini berjaya menimbulkan suatu keraguan yang munasabah bagi mengenepikan kes pihak pendakwaan yang telah diputuskan sebagai *prima facie*
F itu. Keraguan yang dimaksudkan itu mestilah merupakan suatu keterangan yang dapat menyakinkan pihak mahkamah akan kebenaran cerita yang disampaikan itu. Seandainya tugas tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya, maka dia berhak untuk menikmati faedah dari keraguan tersebut.

G

[6] Apakah yang dimaksudkan dengan Keraguan Munasabah atau "Reasonable Doubt" itu? Di dalam satu kes di India, *K. Gopala Reddy v. State of Andhra Pradesh* [1979] SCC (CR) 310 dinyatakan seperti berikut:

H

> ... reasonable doubt does not mean some light, airy, insubstantial doubt that may fit through the minds of any of us about almost anything at some time or the other, it does not mean a doubt begotten by sympathy out of reluctance to evict, it means a real doubt; doubt founded upon reasons.

I

[7] Manakala di dalam kes *PP v. Teh Eng Wah* [1999] 8 CLJ 451 menyatakan:

> (6) A reasonable doubt is where the evidence is credible, probable, plausible or logical ...

Keterangan Saksi Pembelaan

[8] SD1, Roslan @ Rosli bin Abdullah, OKT di dalam kes ini di dalam memberikan keterangan secara bersumpahnya menyatakan bahawa pada tarikh dan waktu kejadian beliau ditahan, beliau bersama dua orang kawannya sedang menaiki kereta kancil untuk pergi makan. Mereka telah ditahan dan di dalam pemeriksaan badan yang dilakukan ke atas mereka telah tidak menjumpai apa-apa. Pemeriksan yang dilakukan ke atas kereta pula telah menjumpai satu beg di bahagian bonet belakang yang dikatakan sebagai mengandungi dadah dari jenis cannabis. Dinyatakan bahawa terjadi pukul memukul dilakukan oleh pihak polis kepada beliau dan dua rakannya itu. Dari tempat kejadian, mereka seterusnya dibawa ke Balai Polis Mentakab. Di sana, menurutnya dia dipukul lagi, tetapi dia tidak pasti siapa yang memukulnya, tetapi lebih dari dua (2) orang. Menurutnya lagi, selepas episod pukul memukul itu C/ Insp. Jong telah membawanya terus pergi ke rumahnya yang terletak di Kampong Jambu Rias, Karak. Terdapat dua (2) anggota lain yang mengikutnya bersama. Beliau yang telah tunjukkan arah jalan ke rumahnya. Semasa berada di ruang tamu rumah, anggota polis telah menanyakan akan biliknya, lalu selepas ditunjukkannya, beliau dibawa masuk ke dalam bilik tersebut. Menurutnya, isterinya tidak ikut sekali. Di dalam bilik, dua anggota polis telah melakukan pemeriksaan dengan membuka almari laci dan selak kain baju, bawah katil dan tempat penyidai tuala. Hasil pemeriksaan itu, telah dijumpai satu beg berada di bawah sidaian tuala. Selepas dijumpai beg, anggota polis itu telah buka dan tunjukkan isi kandungan dalam beg itu kepadanya semasa dalam bilik lagi. Menurutnya semasa ditunjukkan itu, dia cuma nampak plastik putih dan tidak tahu apa yang ada di dalamnya. Beliau nafikan ada tunjukkan kedudukan beg ini serta menyatakan bukan beliau yang mengeluarkan beg tersebut. Tentang kad pergigian yang dijumpai, beliau nafikan ada ditunjukkan dengan kad pergigian itu. Menurutnya lagi, tiada borang bongkar disediakan semasa di rumah. Apabila ditunjukkan dengan eks. P22, beliau nafikan ada beri kenyataan sedemikian kepada mana-mana pegawai polis pada pagi itu. Beliau nafikan ada buat kenyataan (statement) itu kepada

C/Insp. Jong atau pada mana-mana pegawai polis pada jam 1.05 pagi 19 Mei 2001. Beliau nafikan ada tandatangan dokumen-dokumen itu pada jam 5.30 pagi 19 Mei 2001 itu.

[9] Menurutnya, eks. P22 ini ditandatangan oleh beliau setelah beberapa hari ianya ditahan di lock-up Balai Polis Mentakab iaitu selepas enam (6) hari. Menurutnya eks. P22 itu ditandatangani di sel lock-up itu. Menurutnya ditandatangani olehnya sebab dia takut. Dia tidak membaca dokumen ini dan tidak diterangkan akan isi kandungannya.

[10] Apabila di rujuk kepada eks. P9 dan P10, dia menyatakan bahawa dia tidak tahu sama ada ini merupakan barang-barang yang dirampas dari rumahnya. Dia menyatakan tidak pernah melihat barang-barang ini. Yang dia tahu di dalam beg ada benda.

[11] Apabila dirujuk kepada beg iaitu eks. P12, beliau sahkan ekshibit itu sebagai beg yang dirampas dari bilik tidurnya di rumahnya itu. Bilik tidurnya itu tidak berpintu dan sesiapa sahaja boleh keluar masuk biliknya itu. Menurutnya, sebelum kejadian pada 19 Mei 2001 itu, beliau tidak balik ke rumahnya iaitu sejak jam 6 pagi, 18 Mei 2001. Menurutnya lagi semasa ketiadaannya di rumah, kawan-kawannya yang juga merupakan pekerja dan bekas pekerjanya ada datang mencarinya. Keterangannya: "Ada yang masuk ke rumah. Mereka ini biasa dengan rumah saya. Tetamu ini tak dibenarkan masuk ke bilik saya. Tetapi masa saya ada di rumah, mereka tak masuk ke bilik saya." Menurutnya lagi, sebelum 18 Mei 2001, beliau tidak pernah gunakan beg tersebut dan tidak pernah simpan apa-apa di dalam beg itu. Beliau nafikan ada mengeluarkan sendiri beg tersebut dan serahkan sendiri pada polis. Beliau turut nafi ada simpan kad gigi dalam beg tersebut.

[12] Semasa disoal balas oleh Timbalan Pendakwa Raya, beliau menyatakan yang beliau tidak membuat aduan atau membuat laporan polis tentang insiden kena pukul itu. Juga, semasa di hadapan Majistret, beliau akui tiada laporan dibuat tentang perkara dipukul tersebut. Beliau bersetuju terhadap cadangan yang kata hanya pada hari perbicaraan sahaja beliau bangkitkan tentang hal kena pukul ini. Terhadap kenyataannya yang menyatakan ada simpan dadah di rumah, ini dinafikan sekerasnya olehnya. Beliau turut setuju pada cadangan yang menyatakan beg eks. P12 itu dijumpai di dalam bilik tidurnya iaitu di tempat sidai tuala seperti yang terdapat di dalam gambar eks. P18. Walaubagaimanapun, dinafikan yang beliau yang tunjukan beg tersebut. Diakui yang beg

eks. P12 itu digunakan semasa beliau bekerja dahulu, tetapi sejak satu bulan sebelum tarikh kejadian, beliau nyatakan tidak gunakan beg itu. Dinyatakan seterusnya yang bilik tidurnya boleh dimasukki oleh isteri, adik beradik isteri, adik beradiknya dan saudara maranya, digunakan untuk salin pakaian, mandi dan sembahyang. Kawan-kawannya juga katanya boleh masuk ke biliknya masa dia berada di rumah. Menurutnya tidak menjadi luar biasa bagi sesiapa untuk keluar masuk bilik tidurnya semasa ketiadaannya di rumah. Tentang barang-barang yang dijumpai di dalam eks. P12 itu, iaitu ganja, gunting dan kad giginya, beliau menyatakan tidak tahu dari mana datangnya barang-barang ini. Diakui yang dia tak melihat polis membawa bersama mereka eks.-eks. P9, P10, P7 dan P8 semasa mereka pergi ke rumahnya. Terhadap eks. P20 iaitu borang bongkar; beliau setuju yang nama dan tandatangan serta tarikh yang terdapat di dalamnya adalah tulisannya sendiri.

[13] Tentang eks. P22 juga, diakui terdapat sebanyak sebelas tandatangan beliau di sana serta diletak nombor kad pengenalannya diakhirnya, tetapi apabila Timbalan Pendakwa Raya membacakan ayat-ayat di dalam eks. P22 ini, dinafikan akan kebenarannya. Beliau tidak setuju pada cadangan Timbalan Pendakwa Raya yang menyatakan beliau yang memberikan maklumat hingga terjumpanya eks. P7, P8, P9, P10, P13 dan P14. Dinyatakan yang surat pajak gadai, jam tangan, hand-set, wang tunai RM210, kad pengenalan, lesen memandu serta dompet miliknya telah tidak direkodkan di dalam senarai bongkar.

[14] Demikianlah antara keterangan-keterangan yang telah disampaikan oleh OKT ini semasa memberikan keterangan secara bersumpahnya. Bagi membuktikan yang eks. P22 tidak ditandatangani oleh beliau pada hari kejadian serta menafikan akan ada memberikan segala maklumat seperti yang terkandung di dalam dokumen eks. P22 itu, OKT telah mengemukakan dua orang saksi yang mana kedua-dua saksi berikut dikatakan turut berada di dalam sel di lock-up bersama-sama dengan OKT semasa mereka ditahan di Balai Polis Mentakab. Keterangan yang cuba diutarakan adalah bahawa SP2, C/Insp. Jong telah datang berjumpa dengan OKT di sel dalam lock-up tersebut bagi menandatangani sesuatu dokumen.

[15] SD2, Mohd. Tolha bin Yusof, atau nama samarannya 'kancil' di dalam keterangannya menyatakan semasa beliau ditahan di sel Balai Polis Mentakab, ada terdapat seramai 5-6 orang di dalam sel itu. Salah seorang penghuni sel itu dikatakan adalah OKT di dalam kes ini yang dipanggilnya sebagai Mi. Dia kenal Mi ini sebab masa di luar, mereka pergi 'enjoy' bersama seperti pergi ke tempat hiburan dengan kawan-kawan yang lain. Masa di dalam sel ini beliau nyatakan ada lihat sendiri pegawai itu datang berjumpa dengan Mi. Pegawai yang dimaksudkan itu namanya Tuan Jong, yang dikenalinya sebagai pegawai dadah. Menurutnya Tuan Jong ada bawa helaian kertas. Tuan Jong menurutnya dilihat bercakap-cakap dengan Mi dan lepas itu dia lihat macam menyuruh Mi 'sign' atas kertas yang dibawa olehnya itu. Menurutnya, dia lihat Tuan Jong buka helaian kertas itu dan arahkan Mi tandatangan di tempat atas kertas itu. Tetapi menurutnya, apa yang terkandung dalam kertas itu dan apa yang Mi tandatangan, dia tidak tahu. Menurutnya, dia tidak ada tanya pada Mi apa yang Mi tandatangan. Semasa di soal-balas oleh Timbalan Pendakwa Raya, beliau nyatakan kertas yang Mi tandatangan itu dia tidak pernah lihat dan cara Mi tandatangan juga dia tidak pasti. Menurutnya apa yang dia kata, Mi tandatangan itu adalah pada anggapannya sahaja. Diakhirnya, dia akui bahawa apa yang beliau katakan itu tentang Mi tandatangan kertas itu adalah berdasarkan daripada perbualan Mi dengan orang lain. SD3, Ahmad Hanafi bin Abdullah, juga merupakan saksi sokongan untuk OKT ini, menyatakan di dalam bulan Mei 2001, beliau kena tangkap 'urine'. Beliau telah dihantar ke lock-up Balai Polis Mentakab. Semasa di lock-up tersebut, beliau menjadi orang kerja – iaitu istilah orang tahanan yang diberi tugas khas. Dinyatakan bahawa Tuan Jong ada datang bawa kertas lebih dari satu helai. Menurutnya, Tuan Jong suruh OKT yang dipanggilnya 'Mopiko' itu tandatangan satu kertas. Dia nampak Mopiko 'sign'. Bila ditanya kemudiannya kepada Mopiko, Mopiko jawab dia sign borang – tapi tak tahu apa yang dia sign. Di dalam soal-balas dinyatakan yang Mopiko memberitahunya yang dia tandatangan borang, tapi tak cakap berapa borang yang dia sign.

Penilaian Keterangan

[16] Persoalannya sekarang, siapakah yang sebenarnya telah bercakap benar di dalam keterangannya. Adakah SP2, SP4, SP7 dan tidak SD1 bercakap benar. Adakah SP2, SP4, dan SP7 juga dan tidak SD2 dan SD3 bercakap benar. Ini sebenarnya adalah

menjadi tanggungjawab mahkamah untuk menilai akan setiap keterangan yang dikemukakan sebelum mencapai suatu keputusan yang jitu. Terhadap tugasan mahkamah ini, elok diteliti akan apakah prinsip yang telah diputuskan di dalam kes *Pavone v. PP* [1984] 1 MLJ 77:

> Care must be taken to leave suspended the question of the veracity and accuracy of recollection of witnesses until after the close of the case for the defence.

[17] Mahkamah perlulah menilai dari segi kredibiliti, kebolehpercayaan dan kebenaran kesaksian dari semua saksi pendakwa dan juga pembelaan, dengan mengambil ingatan bahawa beban pembuktian pihak pendakwa adalah untuk membuktikan kesnya melampui keraguan yang munasabah. Seperti yang di putuskan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Sochima Okoye v. PP* [1995] 3 CLJ 371:

> It is a well established principle of Malaysian criminal law that the general burden of proof lies throughout the trial on the prosecution to prove beyond reasonable doubt the guilt of the accused, for the offence with which he is charged. There is no similar burden placed on the accused to prove his innocence. He is presumed innocent until proven guilty. To earn an acquittal, his duty is merely to cast a reasonable doubt on the prosecution case.

[18] Ini juga seperti mana yang telah diputuskan di dalam satu kes yang lama, tetapi prinsipnya sama, iaitu kes *PP v. Yuveraj* [1969] 2 MLJ 89 di mana di putuskan juga, tugas di pihak pembela pula hanyalah untuk memberikan penjelasan yang mana munasabah dan berkemungkinan benar. Perkara kedudukan yang serupa di ulas di dalam text *'Outlines of Criminal Law'* (16th edn):

> When therefore the case for the prosecution is closed after sufficient evidence had been adduced to necessitate an answer from the defence, the defence need do no more than show that there is a reasonable doubt as to the guilt of the accused.

[19] Apakah pula tugas pihak pembela? Di dalam kes *Arulpragasan Sandaraju v. PP* [1997] 1 CLJ 686 di putuskan seperti berikut:

> It is trite laws that to earn an acquittal at the close of the defence, the only duty on the accused under Section 183 is to raise a reasonable doubt as to his guilt or as to the thruth of the prosecution taken in its entirety having regard to the defence.

[20] Berbalik kepada soal asal, adakah keterangan dari saksi pembelaan ini benar-benar dapat menyakinkan mahkamah sehingga boleh mengenepikan kesahihan kes pihak pendakwaan yang di putuskan *prima facie* itu? Mahkamah Agung di dalam kes *Mohamed Radhi bin Yaakob v. PP* [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 yang menerima pakai prinsip kes *Mat v. PP* [1963] 29 MLJ 263 tentang kesahihan cerita pembelaan. Di dalam kes *Mat v. PP* itu Hakim Tun Suffian memutuskan:

> If the Court accepts the explainations given by or on behalf of the accused, it must acquit. But this does not entitle the Court to convict if it does not believe that explaination, for he is still entitled to an acquittal, if the explaination raises a reasonable doubt as to his guilt as the onus of proving his guilt lies throughout on the prosecution. If upon the whole evidence the court is left in a real state of doubt, the prosecution has failed to satisfy the onus of proof which lies upon it.

[21] Soalnya sekarang adakah tugas seperti mana prinsip yang digariskan di dalam kes ini berjaya dilaksanakan oleh tertuduh? Kedua-dua pihak telah melakukan penghujahan masing-masing baik secara bertulis mahupun secara lisan.

[22] Di dalam satu kes yang diputuskan oleh saya sendiri di mahkamah ini, iaitu *PP v. Chai Jick Lim* [2006] 3 CLJ 372 terhadap persoalan sama ada pembelaan telah mengemukakan keterangan yang dianggap 'probable' yang 'sufficient to create a doubt on the prosecution case on a reasonable standard,' elok saya ulangi apa yang telah saya tekankan di dalam kes itu iaitu, kebolehpercayaan keterangan saksi-saksi adalah lebih menjurus kepada tugas kehakiman mahkamah. Di mana di sinilah isu kredibiliti dan kebolehpercayaan memainkan peranan. Sehubungan dengan itu soal 'demeanour' adalah berturutan. Ia lebih menjurus kepada pemerhatian mahkamah terhadap gerak laku saksi semasa menyampaikan keterangan serta menjawab soalan-soalan. Ini yang dikatakan tugas kehakiman. Saya akan mengulas isu kebolehpercayaan keterangan saksi ini sebentar lagi.

Isu-Isu Oleh Pihak Pembelaan

[23] Di dalam penghujahan bertulisnya, pihak pembela telah membangkitkan sebanyak sepuluh (10) isu bagi menunjukkan kelemahan disepanjang pengendalian kes ini oleh pihak polis. Isu-isu tersebut adalah seperti yang terkandung di para (F) penghujahan bertulisnya yang telah dikemukakan.

Hujah Peguambela

[24] Hujah peguambela tertumpu terhadap dua (2) isu sahaja, iaitu isu terputusnya rantaian keterangan dan keduanya isu pengendalian barang kes oleh pihak pendakwaan. Terhadap isu-isu ini, rujukan terhadap tiga ekshibit telah dilakukan, iaitu eks. P20, P23 dan P24. Dihujahkan yang di eks. P24 iaitu surat akuan terima oleh SP7, item (2) dinyatakan dua bungkusan plastik. Rujukan juga dibuat terhadap eks. P23 iaitu laporan polis. Dihujahkan mengapakah di dalam eks. P23 ini tidak dinyatakan apa-apa tentang plastik itu. Manakala di eks. P20 pula khususnya di item (2) dinyatakan sebagai dua bungkusan dadah dipercayai ganja dan (3) dinyatakan sebagai satu bungkusan plastik pembungkus ganja. Dikaitkan pula dengan keterangan dari SP3, yang mana telah mengesahkan menerima dua bungkusan plastik dipercayai ganja dan satu bungkusan berisi empat (4) ketulan mampat daun-daun kering dan telah mengesahkan menyerah satu bungkusan berisi daun kering mampat dan terlerai. SP7 pula di dalam keterangannya dihujahkan telah mengesahkan menerima dua (2) bungkusan plastik dipercayai ganja, satu (1) bungkusan berisi ketulan mampat daun-daun kering dan satu (1) bungkusan berisi daun-daun kering yang mampat dan terlerai. Bila disoal-balas tentang eks. P23 ini, saksi dikatakan bersetuju bahawa di eks. P23 ini tidak dicatit di mana ada terdapat satu (1) bungkusan berisi empat (4) ketulan mampat daun-daun kering. Dihujahkan lanjut, bila SP7 disoal tentang eks. P20 ini, jawapannya yang eks. P20 ini tak dicatit seperti barang-barang kes yang diterima beliau seperti di dalam eks. P24. Apa yang dicatit hanyalah dua (2) bungkusan dadah yang dipercayai ganja sahaja. SP7 masa soal-balas menyatakan bahawa eks. P20 dan P23 tidak dicatit di mana-mana ekshibit itu terdapat satu bungkusan berisi empat (4) ketulan mampat daun-daun kering. Dihujahkan oleh peguambela selanjutnya bahawa ketiga-tiga ekshibit tersebut telah menimbulkan keraguan yang serius di mana dikatakan rampasan hanya dua (2) bungkusan sahaja.

[25] Dihujahkan seterusnya bahawa pengendalian barang-barang kes telah tidak dilakukan dengan teliti. Didasarkan hujahan ini berpandukan kepada keterangan SP6 sendiri yang mengesahkan bahawa SP7 iaitu pegawai penyiasat kes, tidak pernah tandatangani ruang (15).

[26] Dihujahkan juga iaitu berdasarkan kepada keterangan SP1, iaitu ahli kimia, yang mengatakan beliau ada terima empat (4) ketulan bahan mampat dan juga tumbuhan yang termampat dan terlerai. Dihujahkan yang apa yang diserahkan kepada SP1 bukanlah barang-barang kes yang diterima oleh SP7 seperti yang tercatit di dalam eks. P24.

[27] Tentang pengendalian barang eks. P20 dikatakan mencatitkan masa 1.45 pagi pada tarikh 19 Mei 2001. Manakala eks. P24 masa yang dicatitkan 9.05 pagi. SP7 pula, iaitu pegawai penyiasat kes menyatakan bahawa barang-barang kes telah dibawa bersama ke tempat kejadian di Kampung Jambu Rias. Barang-barang kes ditanda pada jam 1 petang, dan disimpan di dalam kabinet besi kemudiannya. Dihujahkan bahawa dari masa mula rampasan hingga tiba ke SP7, terdapat jarak masa tujuh (7) jam; dan dihujahkan tidak dijelaskan bagaimana barang-barang itu dikendalikan di dalam tempoh tujuh (7) jam itu. Disoalkan akan kawalan ekshibit itu sebelum serahan dibuat. Juga dikatakan tiada penjelasan diberi mengapa barang-barang kes perlu dibawa ke tempat kejadian. Dipersoalkan bagaimanakah dan siapakah yang menyimpan barang kes semasa dari Balai ke Jambu Rias. Ini dihujahkan menimbulkan satu keraguan yang serius dan cacatkan rangkaian keterangan tentang pengendalian barang kes. Dipersoalkan sama ada dadah yang ditender di mahkamah adakah dadah yang telah dirampas pada pagi itu. Rujukan seterusnya dilakukan kepada beberapa otoriti yang ada hubungkaitnya dengan prinsip sedemikian. Juga dipersoalkan berkaitan dengan keraguan mengenai keujudan dan pembikinan dokumen eks. P22 yang bahagian pentingnya dikatakan tidak ditandatangani oleh OKT. Dokumen dan eks. P22 itu dikatakan ditandatangani di dalam sel lock-up dan bukannya pada malam kejadian dan cara ia disempurnakan dikatakan amat mencurigakan. Dokumen dan eks. P22 dikatakan dibuat oleh SP2 dari ingatannya, yang mana itu dihujahkan amat memprejudiskan OKT. Keujudan kad pergigian di dalam beg eks. P12 dihujahkan amat mencurigakan tanpa sebarang keterangan sokongan. Dihujahkan s. 27 Akta Keterangan tidak harus dijadikan sandaran bagi membuktikan kes pendakwaan serta tiadanya keterangan sokongan untuk menyokong keterangan SP2. Juga dihujahkan yang Sgt. Rosli tidak dipanggil untuk memberikan keterangan. Terhadap borang bongkar juga (eks. P20), dihujahkan jika dibandingkan dengan keterangan OKT dan gambar-gambar yang dirakamkan

serta keterangan jurugambar, ianya amat mengelirukan, lantas menimbulkan kecurigaan terutamanya keujudan pisau lipat dan kad pergigian juga.

Hujah Timbalan Pendakwa Raya

[28] Di dalam penghujahannya, ditekankan bahawa tiada terdapatnya putus dari segi rantaian keterangan tentang barang kes. Dibalas hujah bahawa eks. P20, P23 dan P24 yang dirujuk oleh peguambela itu adalah merupakan keterangan sokongan kepada keterangan utama sahaja yang mana keterangan utama telah diberikan oleh saksi-saksi sendiri melalui keterangan lisan di mahkamah. Tumpuan diberi kepada keterangan SP2 yang menyatakan telah membuat penandaan sewajarnya terhadap ekshibit-ekshibit. Dinyatakan bahawa terdapat keselarasan dari keterangan saksi-saksi terhadap identiti barang kes yang dipertikaikan oleh pihak peguambela itu. Rujukan juga dilakukan terhadap laporan polis dan lain-lain dokumen yang dihujahkan bahawa kes dan keterangan di dalam kes ini perlulah diteliti dengan secara 'maximum evaluation'. Rujukan kepada gambar-gambar juga dihujahkan jelas menunjukkan seperti apa yang dinyatakan oleh saksi-saksi di dalam keterangan mereka. Terhadap rantaian keterangan, dihujahkan bahawa ianya tiada sebarang kecacatan bilamana dikatakan bahawa SP2 telah menyerahkan kepada SP7. SP7 pula telah serah kepada SP1, ahli kimia. Kemudiannya dinyatakan yang barang kes telah diserahkan kepada penjaga stor dalam keadaan bungkusan yang berseal. Tentang isu mengapa barang kes dibawa ke tempat kejadian, dihujahkan bahawa ini jelas untuk menunjukkan yang barang kes sentiasa berada di dalam simpanan dan kawalan saksi dan tidak tinggalkan di lain-lain tempat memandangkan juga yang kuantitinya kecil sahaja. Dihujahkan tiada terdapat sebarang kecacatan di pihak pendakwaan di sini.

[29] Dihujahkan yang kes ini memang wajar bergantung kepada s. 27 Akta Keterangan. OKT dikatakan telah memberikan maklumat secara sukarela dan maklumat itu dikatakan benar kemudiannya bilamana terjumpanya dadah di dalam eks. P12 di dalam rumah OKT, lantas OKT dianggap telah mengedar dadah. Dihujahkan yang pembelaan oleh OKT itu lebih merupakan 'bare denial' sahaja lantas gagal menimbulkan sebarang pembelaan. Terhadap isu OKT dikatakan dipukul dan disepak itu, ia

dihujahkan sebagai sesuatu yang tidak 'consistant' kerana walau pun dikatakan dipukul dengan kuat, hatta dengan tali pinggang serta dikata dipukul oleh dua anggota sekalipun namun tiada apa-apa kecederaan dialami.

[30] Dihujahkan bahawa adalah sesuatu yang tidak 'reasonable' akan insiden pukulan itu bila mana OKT menceritakan yang polis yang pukulnya itu tidak ada tanya apa-apa melainkan soalan biasa sahaja. Malah dihujahkan juga yang tiada sebarang aduan dibuat oleh OKT ini. Dihujahkan lanjut yang tak mungkin juga ujud insiden memukul itu kerana selepas insiden memukul, jika dikatakan ujud, mengapakah diikuti dengan bersembang dan berbual-bual biasa dengan anggota polis itu dan menurut OKT dia tidak disoal apa-apa. Terhadap keterangan Sgt. Rosdi yang tidak dipanggil itu, dihujahkan yang Sgt. Rosdi dan lain-lain anggota sama-sama kawal OKT, tetapi maklumat diberikan kepada SP2. SP2 yang siasat seterusnya dan bawa OKT ke rumah di Jambu Rias. Dihujahkan yang keterangan sokongan SP2 ialah melalui dokumen di eks. P22. Ekshibit P22 ini dihujahkan merupakan sokongan di bawah s. 27. Dihujahkan lanjut yang maklumat di bawah s. 27 berbeza dengan kenyataan di bawah s. 37. Di bawah s. 27, dihujahkan apa yang penting adalah maklumat yang diberikan itu.

[31] Tentang keterangan oleh SD2 dan SD3 ini dihujahkan oleh Timbalan Pendakwa Raya bahawa SD2 dan SD3 tidak tahu apa dokumen yang ditandatangani oleh OKT. Malah dihujahkan yang SD2 dan SD3 tidak dapat nyatakan tarikh insiden tandatangan itu terjadi. Tentang isu kad gigi yang dikatakan dijumpai dengan lain-lain barangan di dalam beg eks. P12 itu yang dikatakan oleh OKT seolah-olah diletak oleh polis, dihujahkan akan mengapakan lain-lain barang milik peribadi OKT tidak diletak sekali. Tentang pisau lipat, dihujahkan yang penerangan akan pisau lipat tertinggal telah diberikan oleh jurugambar. Rujukan juga dilakukan oleh kedua-dua pihak terhadap keputusan beberapa otoriti yang berkaitan.

Penemuan Mahkamah

[32] Setelah saya meneliti dan menghalusi akan keterangan dari saksi-saksi pendakwaan yang seramai lapan (8) orang, serta mendengar dan menghalusi akan keterangan dari saksi-saksi pembelaan yang seramai tiga (3) orang itu, meneliti serta menimbangkan akan penghujahan di setiap peringkat seperti yang telah disampaikan oleh kedua-dua pihak, meneliti akan kedudukan

undang-undang yang berkaitan dengannya, mengkaji otoriti-otoriti yang telah dikemukakan, melihat serta menimbangkan kepada 'demeanour' saksi-saksi secara keseluruhannya, dengan ini mencapai suatu keputusan iaitu pihak pembelaan diperingkat akhir kes pembelaan ini telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kesahihan kes pihak pendakwaan. Lantas kesahihan kes pihak pendakwaan yang diputuskan sebagai *prima facie* itu tidak tergugat. Di akhir kes pembelaan ini, adalah jelas bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes mereka melampaui keraguan yang munasabah.

[33] Meneliti kepada asas pembelaan dari OKT, ia lebih menjurus kepada penafian semata. Beliau menafikan banyak perkara di dalam keterangannya. Beliau menafikan ada memberikan maklumat tentang dadah yang disimpan di rumahnya dalam beg eks. P12. Beliau nafikan ada menunjukkan dan mengeluarkan beg tersebut kepada pihak polis, beliau menafikan mengetahui akan isi kandungan yang terdapat di dalam beg tersebut. Beliau menafikan ada menyimpan dadah di dalam beg tersebut serta beliau menafikan ada menyimpan kad gigi di dalam beg tersebut. Terhadap eks. P22, beliau menafikan ada memberikan maklumat kepada C/Insp. Jong, menafikan ada menandatangani di dokumen eks. P22 itu pada hari kejadian serta menafikan akan isi kandungan eks. P22 itu.

[34] Meneliti kepada keterangan yang telah disampaikan oleh OKT dan dua (2) orang saksinya yang lain itu, adalah sesuatu yang agak sukar untuk mahkamah mempercayainya dari segi kemunasabahannya. Di sinilah dikatakan 'demeanour' saksi-saksi memainkan peranan. Kebolehpercayaan keterangan saksi-saksi pembelaan ini melalui keterangan masing-masing amat meragukan. Dari segi kemunasabahannya pula, jelas, adalah terlalu jauh untuk menghubungkan kebenaran keterangan yang telah disampaikan itu apabila dibandingkan dengan keterangan-keterangan yang telah disampaikan oleh saksi-saksi pendakwaan yang lain, khususnya keterangan dari SP2, SP4 dan SP7. Kemunasabahan keterangan oleh ketiga-tiga saksi pendakwa ini serta lain-lain keterangan saksi selebihnya itu tidak tercabar oleh keterangan dari saksi-saksi pembelaan ini. Seperti yang diputuskan di dalam kes *PP v. Karim Othman* [1994] 2 CLJ 826, penggantungan kepada bentuk pembelaan yang berupa 'bare-denial' semata, tidak mencukupi untuk mengakas di atas prinsip imbangan kebarangkalian akan andaian/anggapan memilikki dan dalam kawalan dadah berbahaya serta pengedarannya.

[35] Di pihak pendakwaan, penggantungan yang dilakukan berdasarkan kepada s. 27 Akta Keterangan adalah merupakan sesuatu yang tepat. Adalah berpandukan kepada maklumat yang diberikan oleh OKT yang mana seterusnya telah membawa pasukan polis ke rumahnya dengan menunjukkan arah ke rumahnya serta menunjukkan akan bilik tidurnya, telah membawa kepada penjumpaan dadah tersebut seperti yang tersimpan di dalam eks. P12. Seperti keterangan oleh isteri OKT sendiri bahawa beg P12 itu digunakan oleh OKT untuk dibawa bekerja. Maknanya beg tersebut adalah milik sebenar OKT serta tersimpan di dalam bilik tidurnya sendiri. Walau pun keterangan cuba diberikan yang bilik tidurnya boleh dimasukki oleh kawan-kawannya serta saudara maranya, namun keterangan beliau ini tidak kukuh tanpa keterangan sokongan yang lain bagi mengiakan sedemikian. Malah, adalah sesuatu yang agak janggal di dalam kehidupan orang-orang timur bagi amalan begitu dijadikan suatu kelaziman. Bilik tidur adalah suatu tempat diibarat 'kehormatan' yang perlu dijaga bagi sesuatu keluarga. Sukar untuk diterima hakikat bahawa ia adalah sesuatu yang biasa untuk sesiapa sahaja keluar masuk ke bilik tidur, apatah lagi dalam kehidupan di kampung. Dari segi jarak masa beliau tinggalkan rumah pula, menurut keterangannya, kali akhir beliau meninggalkan rumah untuk pergi ke Kuala Lumpur adalah pada pagi 18 Mei 2001; iaitu cuma satu (1) hari sebelum tarikh kejadian; tersebut. Jadi, di dalam tempoh satu (1) hari itu, sukar untuk diandaikan akan elemen-elemen yang 'alien' terjadi di rumahnya itu, khususnya di bilik tidurnya itu. Juga, tiada keterangan untuk menunjukkan ujud sedemikian. Peguam menghujahkan akan OKT tiada pengetahuan langsung akan isi kandungan yang terdapat di dalam beg eks. P12, lantas menafikan akan keujudan dadah tersebut. Di dalam soal ini, apakah yang dikatakan dengan 'possession' itu. Taylor J di dalam kes *Leow Nghee Lim v. Rex* [1956] 22 MLJ menyatakan:

> A man must knows of the existence of a chattel and have some idea of its where about before he can exercise any control over it. The word possession therefore implies full or exact knowledge.

[36] Jelaslah tanpa pengetahuan, tidak akan ujud pemilikan. Di dalam kes ini, dari keterangan-keterangan yang diperturunkan di atas tadi jelaslah elemen pengetahuan oleh OKT terhadap keujudan dadah di dalam beg eks. P12 yang terdapat di dalam bilik tidurnya di rumah di Jambu Rias itu tidak dapat diketepikan akan

keujudannya. Maklumat yang diberikan dan terkandung di dalam eks. P22 yang membawa kepada penemuan fakta dadah itu adalah berselari dengan hakikat ini.

[37] Berbalik kepada s. 27 yang dibangkitkan itu. Mahkamah Agong di dalam kes *Wai Chan Leong v. PP* [1989] 2 CLJ 1168; [1989] 1 CLJ (Rep) 171 dengan memetik keputusan hakim Suffian di dalam kes *Chang Soon Kong v. PP* [1977] 1 LNS 20, menyatakan: "... it is fallacious to treat 'fact discovered' within s. 27 as equivalent to the object produced; the fact discovered embraces the place from which the object is produced and the knowledge of the accused as to this and the information given must relate distinctly to this fact."

[38] Mahkamah di dalam kes *Wai Chan Leong v. PP* juga menyatakan: "It must also be observed that the legislature had used the expression 'information' in s. 27 of the Evidence Act and therefore did not intend it to have the same meaning as a statement ...". Seperti yang dihujahkan oleh Timbalan Pendakwa Raya bahawa s. 27 adalah tidak sama pemakaiannya jika dibandingkan dengan s. 37 Akta yang sama.

[39] Definasi 'fact' di bawah s. 37 Akta dinyatakan sedemikian:

> 'fact' means and includes:
>
> (a) anything, state of things or relations of things capable of being perceived by the senses,
>
> (b) any mental condition of which any person is conscious.

[40] Lantas hujahan oleh Timbalan Pendakwa Raya akan skop pemakaian s. 27 khususnya di dalam kes ini adalah menepati definasi seperti yang dihuraikan tadi. Yang penting ialah maklumat yang diberikan dan bukannya pengakuan. Maklumat itu menjurus kepada penemuan kepada fakta seperti yang terjadi di dalam kes ini.

[41] Diakhirnya, setelah saya meneliti akan keterangan-keterangan yang telah diberikan di hadapan mahkamah ini, saya memutuskan yang OKT Roslan @ Rosli bin Abdullah adalah bersalah dan disabitkan di atas pertuduhan sepertimana yang dibacakan di awal tadi. Berikutan dengan itu, seperti diperuntukan di bawah undang-

undang, saya dengan ini menjatuhkan hukuman gantung sampai mati terhadap OKT Roslan @ Rosli bin Abdullah, iaitu hukuman yang diperuntukan di bawah s. 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952.